

Kadar inflasi 2.5 peratus – Najib

UM - 20/6/07

Kadar tersebut lebih rendah berbanding tahun lalu dan tindakan penguatkuasaan melalui KPDNHEP memberikan kesan yang besar dari segi kawalan harga

NAJIB TUN RAZAK
Timbalan Perdana Menteri

PUTRAJAYA 19 Jun – Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kadar inflasi negara dijangka dapat dikawal dalam lingkungan 2.5 peratus pada tahun ini berikutan langkah yang diambil oleh kerajaan mengawal harga barang.

Menurutnya, kadar tersebut adalah lebih rendah berbanding tahun lalu dan tindakan penguatkuasaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberikan kesan yang besar dari segi kawalan harga.

“Kerajaan memandang berat terhadap usaha menentukan harga pengguna berada di paras stabil dan di samping itu, barangan yang diperlukan untuk pembangunan negara dapat ditentukan pada harga berpatutan dan bekalan yang mencukupi.

“Perkara ini adalah dalam bidang perimbangan jawatankuasa Kabinet mengenai harga barang perlu. Secara keseluruhannya saya berpuas hati, kita tak boleh jangkakan tidak ada kenaikan langsung walaupun kita cuba mencapai sasaran berkenaan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Barang-Barang Perlu di sini hari ini.

Hadir sama ialah Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd. Shafie Apdal dan Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

Menurut Najib, dalam usaha menjaga kepentingan peruncit dan pekedai di luar bandar, KPDNHEP akan mengadakan rundingan dengan syarikat tertentu untuk mewujudkan pusat pengedaran di kawasan berkenaan.

“Ini dapat menjaga kepentingan peruncit dan pekedai selain dapat memperoleh bekalan barangan pada harga yang rendah dan kedua-dua pihak dapat keuntungan,”



NAJIB Tun Razak berbincang sesuatu dengan Shafie Apdal pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Harga Barang-Barang Perlu di Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya, semalam.

jelasnya.

Pada mesyuarat itu juga, beliau memberitahu usaha penguatkuasaan sedang dijalankan oleh kerajaan termasuk melancarkan Ops Gaji dengan mengenakan tindakan ke atas peniaga yang mengambil

kesempatan menaikkan harga barangan berikutan pengumuman kenaikan gaji kakitangan awam pada bulan lalu.

Dalam Ops Gaji yang dilancarkan mulai 21 Mei hingga semalam, sebanyak 99,312 buah premis diperiksa, 125 aduan menge-

nai kenaikan harga dan kemudian penurunan kepada harga asal, tindakan di bawah Akta Kawalan Harga (277 kes), Akta Kawalan Barangan (tiga kes), sitaan sebanyak RM214, 875 dan kompaun yang dikenakan ialah RM162, 530.

Melalui tindakan itu, tambah Timbalan Perdana Menteri, terdapat trend harga pengguna mengalami kenaikan yang lebih rendah dari tahun lalu.

“Selain itu, sebanyak enam pasar raya besar bekerjasama dengan kementerian untuk menawarkan harga yang lebih rendah kepada pengguna,” katanya.

Beliau memberitahu, pasar raya Carrefour, menurunkan harga 2,000 produknya antara lima dan 30 peratus mulai 29 Mei hingga 31 Disember ini melibatkan sumbangan sebanyak RM20 juta.

Pasar raya Giant juga menyumbangkan sebanyak RM17.5 juta untuk penurunan 2,300 produk antara lima dan 25 peratus mulai 1 Jun hingga 31 Disember, jelasnya.

Sementara Tesco pula, tambahnya menyumbangkan sebanyak RM15.5 juta dengan menurunkan 900 produk antara lima dan 35 peratus mulai 4 Jun hingga 31 Disember.

Najib menambah, pasar raya Jusco turut tidak ketinggalan dengan menyumbangkan sebanyak RM12 juta untuk penurunan 500 produknya antara lima dan 15 peratus bermula 5 Jun lalu hingga 31 Disember ini.

“Mydin pula menyumbang sebanyak RM33 juta untuk 10,000 produk dengan penurunan lima hingga 35 peratus mulai 11 Jun hingga 31 Disember dan The Store menyumbang sebanyak RM21 juta untuk penurunan 1,000 produk melibatkan penurunan lima hingga 50 peratus mulai 12 Jun hingga 31 Disember.

“Walaupun pasar raya besar berkenaan tidak diberikan insentif namun kita hargai kerjasama yang diberikan,” katanya.